

## **KEMPEN CBP75 : KAKITANGAN KERAJAAN BAWA PULANG PROTON EMAS.7**

1. Seorang kakitangan kerajaan, Fazliana Kamaruss tidak menyangka dapat membawa pulang sebuah Proton E.Mas7 apabila memenangi hadiah utama Kempen CBP75 Cabutan Ketiga baru-baru ini.
2. Hadiah tersebut disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Puan HjH Noor Afifah Abdul Razak di Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Co-opbank Pertama, baru-baru ini.
3. Turut disampaikan adalah hadiah kepada pemenang-pemenang lain yang membawa pulang pakej umrah, motorsikal Y15ZR dan juga baucar.
4. Kempen CBP75 merupakan kempen CBP yang diadakan sepanjang tahun 2025 yang menawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM1.2 juta.
5. Ketua Pegawai Eksekutif CBP, Khairil Anuar Mohammad Anuar berkata, bagi tahun 2026, CBP akan menjalankan kempen-kempen taktikal untuk menarik lebih ramai lagi pelanggan CBP yang baharu dan dalam masa yang sama mengekalkan pelanggan sedia ada.
6. “Kempen-kempen ini akan diadakan sepanjang tahun yang menawarkan hadiah-hadiah lumayan seperti kereta elektrik, motorsikal, pakej percutian, barangan elektrik, wafer emas dan pelbagai hadiah menarik lain.
7. “Orang ramai boleh mendapatkan maklumat-maklumat kempen ini menerusi semua media sosial rasmi CBP dan juga laman web CBP,”katanya menerusi satu kenyataan.

**-TERIMA KASIH-**

### **Mengenai Co-opbank Pertama**

Co-opbank Pertama (CBP) ditubuhkan pada 7 Jun 1950. Pada September 2014, CBP diiktiraf oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM) sebagai sebuah co-opbank. CBP terus berkembang dengan kini mempunyai sebanyak 35 cawangan termasuk outlet di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. CBP menawarkan pelbagai produk perbankan patuh Syariah termasuk perkhidmatan Ar-Rahnu. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cbp.com.my](http://www.cbp.com.my).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :

**Unit Komunikasi Korporat, Co-opbank Pertama**

[ukk@cbp.com.my](mailto:ukk@cbp.com.my)